



KENYATAAN MEDIA

PERKESO MOHON MAAF ATAS TINDAKAN PENGAWAL KESELAMATAN TENTANG KOD PEMAKAIAN

KUALA LUMPUR – Merujuk kepada laporan berita oleh New Straits Times pada 28 Jun 2023, bertajuk “Lawyer: Stop harassment over dress code at govt departments”, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) ingin memohon maaf atas kesulitan yang dialami pengunjung ke pejabat kami, yang dikenali dengan nama May.

Berdasarkan laporan media, May menemani rakan sejawatannya, Datuk Ajit Singh Jessy, ke Pejabat PERKESO Pulau Pinang untuk membuat pendaftaran perlindungan sosial bagi pembantu rumahnya, namun May pada mulanya tidak dibenarkan masuk oleh pengawal keselamatan selepas skirt May dikatakan tidak sesuai.

Kami memohon maaf kepada May susulan insiden membabitkan pengawal keselamatan terbabit, yang tindakannya tidak selari dengan prinsip “Prihatin” PERKESO. PERKESO memandang serius isu ini, justeru perkara itu kini dalam siasatan dalaman. Kami berharap isu ini tidak akan mencetuskan spekulasi berpanjangan yang hanya akan mengeruhkan lagi keadaan.

PERKESO juga ingin menegaskan bahawa kaunter dan pejabat kami sentiasa terbuka untuk dikunjungi orang ramai. Sebagai penyedia perkhidmatan perlindungan sosial, PERKESO adalah sebuah organisasi berteraskan pelanggan yang mengutamakan keperluan pelanggan. Kami berharap insiden ini tidak menghalang May atau sesiapa sahaja daripada mengunjungi mana-mana 54 pejabat PERKESO di seluruh negara, termasuk Sabah dan Sarawak.

**Dikeluarkan oleh
Bahagian Komunikasi Dan Hal Ehwal Korporat
Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
30 Jun 2023**